

Masa kerja tak ubah

KSN mahu kakitangan awam tingkat prestasi pada Ramadan

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA: Kira-kira sejuta kakitangan awam di seluruh negara dinasihat menjalankan tugas seperti biasa sepanjang Ramadan kerana tiada alasan prestasi mereka merosot ketika berpuasa.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan, berkata tiada perubahan pada waktu kerja selain pelaksanaan pilihan bekerja mengikut waktu anjal yang dipraktikkan sebelum ini bagi membolehkan orang ramai mempunyai lebih masa berurusan dengan jabatan kerajaan.

"Saya menjangka pegawai awam

akan datang lebih awal ke pejabat, pada Ramadan. Selepas bersahur dan bersolat, mereka boleh terus ke Pejabat kerana tiada lagi minum pagi," katanya ketika dihubungi *Berita Harian*, semalam.

Namun, pegawai boleh memilih waktu anjal sama ada bertugas jam 7.30 pagi dan balik 4.30 petang, 8 pagi hingga 5 petang atau datang 8.30 pagi dan balik 5.30 petang.

Beliau yang menyandang jawatan itu menggantikan Tan Sri Samsudin Osman pada 3 September lalu berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada berlaku perubahan waktu kerja bagi kakitangan awam sempena Ramadan.

Bekerja mengikut waktu anjal bagi kakitangan sektor awam diperkenalkan Jun tahun lalu tetapi untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya saja iaitu mulai jam 7.30 pagi, 8 pagi atau 8.30 pagi, serentak pelaksanaan sistem bekerja lima hari seminggu.

Mengikut waktu anjal itu, mereka pulang jam 4.30 petang, jam 5 petang atau jam 5.30 petang selepas mendapat persetujuan ketua jabatan masing-masing.

*"Tiada beza bekerja
pada bulan puasa.
Kita perlu
menjalankan
tanggungjawab
yang diamanahkan"*

Mohd Sidek Hassan
Ketua Setiausaha Negara